

Warga emas degil tak mahu pindah

DENGKIL - Seorang warga emas enggan meninggalkan rumahnya biarpun kediamannya di Kampung Semarang di sini, hampir ditenggelami air sedalam dua meter.

Walaupun hampir sejam dipujuk polis dan anggota penyelamat, Osman Yahya, 75, yang tinggal seorang diri tetap tidak mahu berpindah daripada rumahnya atas alasan telah biasa dengan keadaan itu.

"Pakcik dah biasa dengan keadaan banjir ini, biarlah pakcik tinggal di rumah ini, sekejap lagi air akan surut," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sepang, Superintendan Imran Ab Rahman berkata, seramai 231 mangsa melibatkan 50 keluarga di lima kawasan taman perumahan di Pekan Dengkil turut dipindahkan di Dewan Orang Ramai Dengkil.

"Kesemua mangsa mula dipindahkan kira-kira jam 1 petang kelmarin oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat," katanya.



Osman enggan berpindah walaupun dipujuk oleh anggota penyelamat.